

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 APRIL 2015

Keluar wang KWSP kekal usia 55: PM

» Pandangan lebih 50,000 rakyat Malaysia diambil kira

Oleh Nazura Ngah dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal pada umur 55 tahun, selepas mengambil kira pandangan lebih 50,000 rakyat Malaysia yang menyertai proses rundingan dalam talian dalam tempoh dua hari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang membuat pengumuman itu pada majlis perasmian Invest Malaysia 2015, di sini, semalam, berkata beliau sedar mengenai kebimbangan disuarakan masyara-

kat berhubung sebarang perubahan terhadap dana persaraan dikendalikan KWSP.

Hormati pandangan rakyat
"Kerajaan sentiasa mendengar pandangan rakyat. Adalah jelas majoriti ahli KWSP mahu hak untuk menggunakan dana persaraan pada usia 55 tahun walaupun menyedari kepentingan simpanan persaraan pada usia 60 tahun," katanya sambil menyifatkan rundingan awam itu adalah yang terbesar pernah dijalankan.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Najib berkata, KWSP akan memastikan sebarang penambahbaikan akan hanya terpakai kepada caruman baharu sekiranya pencarum memutuskan untuk bekeija selepas umur 55 tahun.

"Ini mengimbangi harapan rakyat terhadap titik peluh mereka pada usia 55 tahun dan pada masa sama memberi

Inisiatif penambahbaikan 2
Caruman minimum dan maksimum untuk gaji minimum

Gaji pokok:	RM 600
Elau:	RM 100
Gaji keseluruhan:	RM 900

Caruman minimum bagi simpanan ahli (gaji minimum)		Caruman minimum untuk simpanan (gaji minimum)	
Caruman ahli	= RM60 (RM600 x 1%)	Caruman ahli	= RM60 (RM600 x 1%)
Caruman majikan	= RM120 (RM600 x 2%)	Caruman majikan	= RM120 (RM600 x 2%)
Jumlah caruman	= RM180	Jumlah caruman	= RM180
Gaji pokok + elau	= RM700	Gaji pokok + elau	= RM700
Tolak caruman ahli	= RM60	Tolak caruman ahli	= RM60
Baki gaji bersih	= RM640	Baki (gaji bersih)	= RM640
Gaji keseluruhan	= RM820	Gaji keseluruhan	= RM820

Syor caruman diselaraskan pendapatan minimum

Caruman ini membolehkan syor caruman minimum yang lebih baik bagi pekerja yang bekerja pada pendapatan minimum. Selain itu, caruman ini akan berkuatkuza pada 1 Januari 2017. Caruman ini akan memberi pulangan yang lebih baik bagi pekerja yang bekerja pada pendapatan minimum. Caruman ini akan memberi pulangan yang lebih baik bagi pekerja yang bekerja pada pendapatan minimum.

Caruman ini membolehkan syor caruman minimum yang lebih baik bagi pekerja yang bekerja pada pendapatan minimum.

Caruman ini akan memberi pulangan yang lebih baik bagi pekerja yang bekerja pada pendapatan minimum.

Caruman ini akan memberi pulangan yang lebih baik bagi pekerja yang bekerja pada pendapatan minimum.

Keratan akhbar isu pengeluaran caruman KWSP semalam.

perlindungan kepada mereka jika bersara pada usia 60 tahun katanya.

KWSP sebelum ini dilaporkan sedia menimbang untuk meminda had umur yang dibenarkan bagi pencarum mengeluarkan caruman mereka daripada 55 tahun kepada usia persaraan 60 tahun dan kaji selidik bagi mendapatkan pandangan rakyat itu bermula Selasa lalu dan berakhir 5 Mei ini.

Pilihan pelaburan patuh syariah

Dalam isu berkaitan, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, inisiatif KWSP menawarkan opsyen pelaburan patuh syariah untuk ahlinya

akan mewujudkan dana syariah terbesar seumpamanya di dunia.

Inisiatif itu adalah antara empat inisiatif dicadangkan KWSP bagi menambah baik skim dana pencen sedia ada.

Beliau berkata, opsyen yang akan bermula tahun 2017 itu akan memperkukuh lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju pusat kewangan Islam.

"Malaysia berada pada kedudukan lebih baik untuk memacu agenda kemapanannya katanya.

Sementara itu, Najib mengesakan semua sektor swasta memastikan usaha untuk memastikan lebih ramai tenaga keija wanita menduduki jawatan penting dalam syarikat.